

Kabinet baru minggu ini?

BN 6 AUG 1986

Oleh NAZAR ABDUL

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka mengumumkan kabinet barunya seawal-awalnya akhir minggu ini.

Sumber-sumber memberitahu, Datuk Seri Dr Mahathir sudah berbincang dengan timbalannya, Encik Ghafar Baba, mengenai rangka kabinet baru itu hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri akan mendapatkan pandangan pemimpin parti-parti komponen BN mengenai calon-calon mereka yang dicadangkan menyertai kabinetnya.

Sumber-sumber itu berkata, Perdana Menteri akan mengadap Yang di-Pertuan Agong sebaik sahaja senarai cadangan anggota kabinetnya diputuskan.

Daripada senarai calon yang bertanding dalam pilihanraya umum lalu, 19 jawatan iaitu dua Menteri, empat Menteri Besar, lapan Timbalan Menteri dan lima Setiausaha Parlimen, menjadi kosong kerana tokoh-tokoh yang berkenaan tidak bertanding, kalah atau bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri.

Dua menteri yang tidak bertanding ialah Menteri Kehakiman, Datuk James Ongkili (Berjaya) dan Menteri Kesihatan, Datuk Mak Hon Kam (MCA).

Empat Timbalan Menteri yang tidak bertanding ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Tan Tiong Hong; Timbalan Menteri Buruh, Datuk William Lye; Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Haji Rahim Bakar dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Puan Rosemary Chong.

Kosong

Tiga Timbalan Menteri yang bertanding tetapi kalah ialah Encik Abdillah Abdul Hamid (Pembangunan Negara dan Luar Bandar), Senator Kee Yong Wee (Perdagangan dan Perindustrian) dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Ahmad Shah Tambakau, yang bertanding atas tiket bebas.

Antara Setiausaha Parlimen yang terkecual daripada kabinet ialah Encik Jawan Empaling (Kementerian Kebajikan), Encik Ban Hong Keong (Kementerian Kesihatan), Encik Hussein Mahmood (Kementerian Perusahaan Awam) dan Encik Au How Cheong (Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos).

Empat jawatan Menteri Besar yang kosong ialah di Pahang, Johor, Selangor dan Perlis.

Menurut sumber-sumber itu, kemungkinan beberapa Menteri kanan dijangka dikekalkan dan beberapa orang berpindah kementerian.

Antara muka baru yang dijangka menyertai kabinet ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan Menteri Besar Johor, Datuk Ajib Ahmad.

Dua tokoh dari Parti Bersatu Sabah (PBS) dan seorang dari Usno sebagai anggota parti komponen BN mungkin diambil menyertai kabinet baru Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas pilihanraya memberitahu bahawa kabinetnya akan mempunyai campuran antara tokoh baru dan lama serta wakil-wakil parti komponen BN.